

BILANGAN 13 TALIPON



Teman Bicara.....
Talipon

Sebelum sistem ejaan yang disempurnakan (sistem ejaan baru; sistem ejaan MABBIM), perkataan 'telephone' itu dieja **talipon**.

Tetapi, setelah penyempurnaannya, perkataan tersebut dieja **telefon**. Kekata tersebut dieja demikian kerana 'tele' dikatakan mengandungi unsur perhubungan atau komunikasi. Begitu juga dengan kekata berikut:

- 01 telefonis (bukan taliponis)
- 02 telefoto (bukan talifoto)
- 03 telegraf (bukan taligerap)
- 04 telegram (bukan taligeram)
- 05 televisyen (bukan talivision atau talivisen)
- 06 telepati (bukan talipati)
- 07 teleinfo
- 08 telekomunikasi
- 09 teleperbankan
- 10 telepemasaran